

- 3 Petikan di bawah mengandungi beberapa kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

Bahan 1

Menyedari risiko bahasa peribumi yang terdedah pada kepupusan, maka Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengisytiharkan tahun 2019 sebagai Tahun Bahasa Peribumi. Pengisytiharan ini bertujuan untuk menarik perhatian dan kesedaran dunia tentang kepentingan bahasa peribumi sebagai isu global yang dilibatkan dalam ancaman kepupusannya. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa peribumi terkandung kesedaran kolektif masyarakat. Selain daripada itu, bahasa ini menyimpan warisan ilmu pengetahuan, sejarah, budaya, teradisi, jati diri dan kenangan unik manusia.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Sedikit Tetapi Banyak, Bicara Bahasa'
oleh Ritah Yahya,
Dewan Bahasa, Bil. 04/2019

[Markah 6]

[6 markah]

Bahan 2

Bahasa merupakan satu komponen budaya yang penting kerana bahasa bukan sahaja melambangkan identiti bangsa, bahkan juga identiti nasional bagi sesebuah negeri berdaulat. Dalam kontek ini, bahasa Melayu diangkat martabatnya sebagai bahasa kebangsaan sebagaimana yang dimaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Malaysia. Sejajar dengan itu, wujud berapa slogan seperti 'Bahasa Melambangkan Bangsa' dan 'Bahasa Jiwa Bangsa' yang bertujuan untuk menyuntik perasaan cintakan negara dan menyemarakkan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Ibu Bapa Ejen Sosialisasi Bahasa Melayu di Rumah'
oleh Charanjit Kaur,
Pelita Bahasa, Bil. 03/2021

[Markah 5]

[5 markah]